

15 rumah ditenggelami air

TAIPING - Hujan lebat tanpa henti di Kampung Pondok Tanjung sejak tengah malam kelmarin menjejaskan rutin penghuni di lebih 15 rumah yang ditenggelami air.

Mangsa, Azmi Abdullah, 40, berkata, dia menyedari rumahnya mula dinaiki air seawal jam 1 pagi sewaktu tidur di atas sofa di rumahnya.

Menurutnya, dia terkejut apabila air menenggelamkan sofa yang didudukinya.

"Saya terkejut apabila melihat banyak barang perabot terapung manakala air memenuhi rumah setinggi paras paha.

"Saya segera memanggil isteri, Siti Khadijah Mat Tahir dan anak membantu menyelamatkan barangan termasuk perkas elektrik. Kami sekeluarga terpaksa berjaga sehingga pagi," katanya, semalam.

Azmi berkata, dia dan beberapa jiran bekerjasama menyelamatkan kenderaan seperti motosikal dan kereta.

Seorang lagi mangsa, yang dikenali sebagai Royal, 50, berkata, kesemua peralatan rumahnya di perkampungan Wat Siam di sini rosak setelah limpahan air dari Sungai

Kurau menenggelamkan rumahnya.

Jelasnya, tempat sembahyang dan kubur Siam yang terdapat di situ turut tenggelam.

"Saya dan 20 penghuni kuil terpaksa berhimpit di sebuah tempat sembahyang yang tidak terjejas sehingga pagi.

"Sehingga kini (semalam), kami tidak menjamah sebarang makanan kerana barangan dapur rosak dan banjir kali ini antara terburuk dalam sejarah di sini," katanya.

Royal turut berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat mencari penyelesaian terbaik bagi menangani masalah banjir di kawasan itu.

Sementara itu, Ketua Sami Wat Siam Kampung Ulu Sepetang, Sumetho, 33, berkata, kejadian itu dipercayai berpunca daripada sungai yang cetek menyebabkan air melimpah ke kawasan rumah apabila hujan lebat.

"Saya telah memaklumkan perkara ini kepada PBT dan berharap penduduk dapat bersabar dalam menempuh kejadian bencana kali ini," katanya.



Penduduk Kampung Pondok Tanjung terpaksa mengusung motosikal masing-masing untuk dibawa ke tempat selamat.